

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERTENGAHAN TAHUN
TINGKATAN 5
2026

SEJARAH
KERTAS 1
MASA : SATU JAM

1. Kertas pentaksiran ini mengandungi **40** soalan
2. Jawab **semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan. Padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas ini mengandungi **15** halaman bercetak

- 1 Manakah yang berikut negara mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan dalam sistem pentadbirannya?
- A Srivijaya
 - B Funan
 - C Melaka
 - D Majapahit
- 2 Apakah kepentingan Sistem Pembesar Empat Lipatan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
- A Memastikan adat istiadat dipatuhi
 - B Mempertahan sistem perundangan
 - C Menjamin keutuhan pemerintahan
 - D Memastikan sistem warisan terpelihara
- 3 Maklumat berikut berkaitan ikrar "Sumpah Pemuda" dan menjadi tonggak nasionalisme Indonesia.



Apakah asas yang terkandung dalam sumpah tersebut?

- A Satu suara
- B Satu agama
- C Satu rumpun
- D Satu tanah air

4. Bagaimanakah tokoh berikut menghalang penjajahan kuasa Barat?



- A. Membenarkan kebebasan berpolitik
B. Menghalang kemasukkan imigran
C. Melaksanakan dasar terbuka
D. Memajukan sektor pertanian
5. Apakah faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama di Eropah pada tahun 1914 hingga tahun 1918?
- A. Kegagalan Liga Bangsa- Bangsa mengekalkan keamanan
B. Jerman memperbesarkan angkatan tentera
C. Kemunculan ideologi baharu
D. Persaingan kuasa imperialis
6. Apakah kesan peperangan berikut terhadap Eropah?

Tahun	Peperangan
1914 - 1918	Perang Dunia Pertama

- A. Pemerintahan beraja tamat
B. Pakatan ketenteraan dibentuk
C. Kerjasama antara etnik diperkukuh
D. Keperluan bahan mentah meningkat

7. Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat British Military Administration(BMA).

- Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- Memulihkan kepercayaan rakyat

Bagaimanakah British Military Administration(BMA) mencapai matlamat tersebut?

- I Meminta senjata dipulangkan
- II Membentuk kerajaan pusat
- III Melantik seorang Gabenor British
- IV Mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat penubuhan Jawatankuasa Kerja.

Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut?

- A Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri
- B Memperkenalkan Majlis Sultan-Sultan
- C Mewujudkan jawatan Gabenor British
- D Membubarkan Majlis Eksekutif

- 9 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan pentadbiran tersebut?

- I Memupuk perpaduan kaum
- II Mengamalkan prinsip demokrasi
- III Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
- IV Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Apakah perkara yang terkandung dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Syarat kewarganegaraan
- B Kemerdekaan tanah air
- C Pendidikan vernakular
- D Pilihan raya umum

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Mary dilahirkan di Amerika Syarikat namun bapanya merupakan Rakyat Raja dan Rakyat British

Beliau layak memperoleh kewarganegaraan secara

- A naturalisasi
- B pendaftaran
- C percantuman wilayah
- D kuat kuasa undang-undang

12 Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan pada tahun 1948.

Mengapakah orang Melayu tidak menentang penubuhannya?

- A Undang-undang tradisional tamat
- B Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
- C Singapura dipisahkan daripada Persekutuan
- D Kaum imigran tidak diberikan taraf warganegara

13 Tokoh berikut merupakan pemimpin Melayu berhaluan kiri yang ditangkap oleh British.

- Ahmad Boestamam
- Ishak Haji Muhammad

Mengapakah British bertindak sedemikian?

- A Menyokong Melayu Raya
- B Mengawal gerakan radikal
- C Membanteras kegiatan sabotaj
- D Melumpuhkan operasi Min Yuen

14 Pilih pasangan yang tepat tentang peranan pasukan keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Pasukan		Tugas
A	Sarawak Rangers	Menjejak tempat persembunyian komunis
B	Home Guard	Melindungi pekerja lombong bijih timah
C	Senoi Praaq	Mempertahankan bandar dan kampung
D	Auxiliary Police	Membuat rondaan di pinggir hutan

15 Tokoh berikut terlibat dalam Sistem Ahli.



Lee Tiang Keng



Dato' Onn Jaafar



E.E.C. Thuraisingham

Apakah peranan tokoh tersebut?

- A Memantapkan integrasi antara wilayah
- B Mencadangkan undang-undang
- C Menentukan hubungan luar
- D Mengurus kewangan

16 Maklumat berikut berkaitan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu sebelum merdeka.

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil

Apakah kesan daripada pendidikan tersebut?

- A Perpaduan sukar dicapai
- B Pengaruh komunis tersekat
- C Kemahiran pekerja meningkat
- D Kemasukkan imigran bertambah

- 17 Mengapakah pilihan raya dilaksanakan dalam usaha menyuburkan demokrasi di negara kita?
- A Meneruskan warisan negara
 - B Menggalakkan penubuhan parti
 - C Menjimatkan perbelanjaan negara
 - D Membentuk kerajaan yang mantap
- 18 Bagalmanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menjalankan tugasnya?
- I Melantik gabenor
 - II Meminta cadangan penduduk
 - III Meneliti kedudukan perlembagaan
 - IV Mengadakan Pilihan Raya Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19 Pertubuhan berikut telah mengemukakan memorandum bertulis kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Parti Perikatan
- Dewan Perniagaan Melayu
- Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya

Apakah Isu yang disuarakan dalam memorandum tersebut?

- A Pilihan raya
- B Agama rasmi
- C Kewarganegaraan
- D Bahasa kebangsaan



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 20 Mengapakah jawatankuasa berikut dibentuk sebelum negara mencapai kemerdekaan 31 Ogos 1957?

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

- A Memupuk perpaduan antara kaum
B Menyediakan perumahan kos rendah
C Meningkatkan taraf kesihatan rakyat
D Menonjolkan identiti negara merdeka
- 21 Apakah yang dimaksudkan dengan kedaulatan negara?
- A Kepatuhan rakyat
B Keluasan wilayah
C Kekuasaan tertinggi
D Kesetiaan warganegara
- 22 Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi. Mengapakah dasar tersebut dilaksanakan?
- A Mewujudkan perpaduan antara kaum
B Meningkatkan taraf hidup rakyat
C Mengukuhkan hubungan luar
D Meningkatkan sistem pertahanan
- 23 Bagaimanakah Rukun Negara dapat mengukuhkan kedaulatan negara?
- A Menunjukkan rasa hormat
B Melahirkan rasa bangga
C Memupuk perpaduan
D Mengekalkan warisan bangsa

24 Apakah asas pembentukan perlembagaan negara kita?

- I Undang-undang Negeri Melayu
- II Undang-undang Islam
- III Undang Adat
- IV Undang-undang Inggeris

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Perlembagaan Persekutuan 1957 telah disesuaikan dengan model Westminster. Model tersebut berasal dari negara

- A Britain
- B India
- C Mesir
- D Jepun

26 Manakah yang berikut ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- I Demokrasi Berparlimen
- II Agama Islam
- III Bahasa Melayu
- IV Kewarganegaraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Mengapakah Perlembagaan Persekutuan dipinda pada tahun 1963?

- A Pembentukan Malaysia
- B Pemisahan Singapura
- C Perlantikan kabinet
- D Pelaksanaan pilihan raya

28 Sistem pemerintahan berikut diamalkan di negara kita sejak tahun 1957.

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen

Bagaimanakah kedudukan raja dalam sistem pemerintahan tersebut?

- A Hakim menggubal undang-undang
- B Rakyat berhak memilih kerajaan
- C Menteri sebagai pentadbir
- D Raja sebagai pemerintah tertinggi

29 Gambar berikut berkaitan dengan cap Mohor Besar Raja-raja.



Apakah kepentingan cap mohor tersebut?

- A Mengiktiraf kerajaan yang dipilih oleh rakyat
- B Mengesahkan pelantikan Jemaah Menteri
- C Menunjukkan kekuatan sesebuah negara
- D Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu

- 30 Sistem Raja Berperlembagaan mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara.

Apakah kesan daripada mekanisme semak dan imbang tersebut?

- I Menyekat kemasukan orang asing
- II Mengekalkan kedudukan orang Melayu
- III Meredakan pertikaian parti politik
- IV Menyelesaikan perselisihan kaum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 31 Apakah kesan peristiwa berikut kepada sistem pentadbiran Negeri Sembilan?

Tahun	1895
Peristiwa	Yamtuan Besar Seri Menanti menandatangani perjanjian dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelevu, Rembau dan Tunku Besar Tampin

- A Penetapan sempadan pengaruh
- B Pembentukan Konfederasi Negeri Sembilan
- C Kewujudan jawatan Yang di-Pertuan Negeri
- D Keseragaman dalam pelaksanaan undang-undang

- 32 Mengapakah majlis berikut distruktur semula pada tahun 1927?

Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927

- A Mengukuhkan kedudukan British
- B Menghalang kemasukkan imigran Cina
- C Mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
- D Menyekat pengaruh Parti Komunis Malaya

33 Mengapakah peruntukan kuasa yang lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan dalam pentadbiran kerajaan Malaysia?

- I Menjamin kestabilan negara
- II Meningkatkan kemajuan negara
- III Mengukuhkan perpaduan rakyat
- IV Membaiki struktur pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Maklumat berikut berkaitan perkara yang termaktub dalam Senarai Persekutuan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Kewangan• Pertahanan• X |
|---|

Apakah X?

- A Tanah
- B Blasiswa
- C Perumahan
- D Kewarganegaraan

35 Maklumat berikut berkaitan pentadbiran Kerajaan Tempatan.

- Majlis Daerah
- Majlis Perbandaran
- Majlis Bandaraya

Apakah peranan majlis tersebut?

- A Menyelesaikan kes-kes sivil
- B Menggubal dasar pendidikan
- C Menyediakan kemudahan awam
- D Mengisytiharkan hari kelepasan negeri

36 Pilih pasangan yang tepat tentang idea pegawai British berhubung pembentukan Malaysia.

Pegawai		Idea/Cadangan
A	Lord Brassey	Penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi
B	Sir Malcom MacDonald	Penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi
C	Sir Gerald Templer	Penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat supaya menjadi jajahan yang besar
D	Sir Geofroy Tory	Penggabungan wilayah disegerakan bagi tujuan keselamatan

37 Apakah faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia pada awal tahun 1960-an?

- A Desakan kuasa besar
- B Ancaman pengaruh komunis
- C Kedatangan golongan imigran
- D Penentangan penduduk tempatan

38 Mengapakah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu melaksanakan langkah berikut?

- Mengadakan lawatan ke Sarawak, Sabah dan Brunei
- Menubuhkan Suruhanjaya Cobbold

- A Mendapatkan kemerdekaan negara
- B Menetapkan sempadan wilayah pengaruh
- C Merealisasikan idea pembentukan Malaysia
- D Menamatkan ancaman Parti Komunis Malaya

39 Jawatankuasa Antara Kerajaan(JAK) mempunyai lima jawatankuasa kecil. Apakah jawatankuasa kecil tersebut?

- I Kewangan
- II Pendidikan
- III Hubungan Luar
- IV Organisasi Jabatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Jadual berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Indonesia pada pertengahan abad ke-20.

Tarikh	30 September 1965
Peristiwa	Jeneral Suharto menjadi Presiden Indonesia

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap negara kita?

- A Dasar konfrontasi ditamatkan
- B Sekatan ekonomi dilaksanakan
- C Pemerintahan republik dibentuk
- D Hubungan diplomatik diputuskan